

# Pemain bola jaring tunjuk aksi cemerlang

**KUALA LUMPUR 20 Ogos** - "Saya sangat berbangga kerana mempunyai pemain-pemain yang hebat mewakili pasukan bola jaring Malaysia."

Demikian perasaan yang diluahkan oleh jurulatih kebangsaan, Stacey Robinson yang melihat anak didiknya boleh menjadi contoh terbaik kepada generasi muda di negara ini menerusi semangat dan keazaman ditunjukkan sama ada di dalam dan luar gelanggang.

Jurulatih dari Australia itu ternyata begitu terharu dengan

kesungguhan dan aksi bertenaga yang dipamerkan oleh semua pemain sepanjang kejohanan Sukan SEA Ke-29 kali ini.

"Semua 12 pemain telah menunjukkan aksi terpuji dan melaksanakan tugas diberikan dengan cemerlang. Biarpun saya mula menggalas tugas sebagai jurulatih kebangsaan pada Januari lalu, namun hubungan baik dengan pemain serta pegawai pasukan membolehkan kita membentuk pasukan terbaik," jelasnya.

Malah menurutnya, dia juga

mendapat kerjasama baik dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN).

Katanya, hubungan baik seumpama itu membolehkannya membentuk sebuah pasukan jitu terutama beraksi di kejohanan besar.

Robinson memberitahu, biarpun sekadar jurulatih sambilan kepada pasukan kebangsaan, namun dia telah melakukan yang terbaik untuk membina sebuah pasukan mantap.

"Jangan salah sangka. Saya bukan tidak diberi kontrak atau

tugas penuh mengendalikan pasukan Malaysia tetapi saya mempunyai komitmen di Australia terutama melibatkan keluarga," katanya.

Robinson menyatakan dia datang ke Malaysia dua minggu awal setiap bulan bagi membantu mempersiapkan pasukan negara.

Ditanya kejohanan terdekat yang akan dihadapi pasukan bola jaring negara, katanya, mereka akan beraksi untuk pusingan kelayakan Piala Asia yang dijadualkan berlangsung tahun depan.